

# RM188 bilion dibelanja sehingga Jun - Anwar

**PUTRAJAYA:** Kerajaan sudah membelanjakan RM188 bilion daripada RM388.1 bilion keseluruhan peruntukan Belanjawan 2023 setakat Jun lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, jumlah itu meliputi 49 peratus daripada nilai peruntukan iaitu lebih tinggi berbanding tempoh sama dari tahun-tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, Anwar berkata, jumlah perbelanjaan itu tidak memuaskan kerana ia sepatutnya sudah mencapai 60 peratus perbelanjaan.

“Jumlah yang dibelanjakan ini maknanya ada perubahan, pelaksanaan cepat dan pantas, jauh lebih baik dari tahun sebelumnya, tapi ia tidak memuaskan kerana ia harus mencapai 60 peratus,” kata beliau ketika

menyampaikan ucapan pada Majlis Libat Urus Belanjawan 2024, di sini semalam.

Belanjawan 2023 menjadi peruntukan terbesar bertanding RM332 bilion untuk Belanjawan 2022 dan RM322.5 bilion untuk Belanjawan 2021.

Jumlah tersebut meliputi RM289.1 bilion untuk belanja mengurus, RM99 bilion bagi belanja pembangunan dan termasuk RM2 bilion untuk simpanan luar jangka.

Anwar kemudian turut mengumumkan beberapa langkah penting dan segera sebagai ikhtiar awal merealisasikan Naratif Ekonomi Madani sebelum dibentangkan Belanjawan Madani 2024.

Menurut beliau, ia langkah khusus dalam menyegerakan pelaksanaan projek cakra rak-

yat dengan sebahagian program sudah dilaksanakan sebelum ini dengan memberi pemusatan kuasa, peruntukan tambahan dan kelonggaran tatacara perolehan bagi mempercepatkan pelaksanaan projek.

Menurut beliau, antara program baharu ialah menambah peruntukan untuk pelaksanaan projek-projek kecil di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) sebanyak RM100 juta menjadikan keseluruhan untuk tahun 2023 berjumlah RM400 juta.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, menambah peruntukan penyalenggaraan dan pembaikan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan sebanyak RM600 juta menjadikan jumlah keseluruhan untuk tahun 2023 RM1.5 bilion.

## **7 ikhtiar awal realisasi Naratif Ekonomi Madani**

- » Tambahan RM 100 juta - projek-projek kecil di bawah PBT
- » RM 600 juta - penyelenggaraan dan pembaikan sekolah KPM
- » GLC sediakan 35,000 peluang pekerjaan, ambil lepasan TVET
- » Elaun perantisan minimum RM800 sebulan pelajar latihan industri di GLC
- » RM100 juta Program Geran Padanan Pendigitalan PMKS
- » Skim Perubatan Madani diperluaskan ke 7 negeri
- » 200,000 penerima STR menerima SARA berjumlah RM600